



NEWSLETTER

Disediakan oleh:
Halina Abdul Hamid
Ketua Penolong Pengarah, BPIIB

INDUSTRI KENDERAAN BERMOTOR, PEMBINAAN KAPAL DAN BOT

KONSEP & DEFINISI




Industri Pembuatan Kenderaan Bermotor




- Industri pembuatan kenderaan bermotor, pembinaan kapal dan bot adalah di bawah aktiviti Kenderaan Bermotor dan Peralatan Pengangkutan
- Pada tahun 2018 (tahun asas 2015), industri ini telah menyumbang **8.1%** kepada KDNK Sektor Pembuatan

Industri Pembinaan Kapal & Bot



Siri Masa Nilai Ditambah Sektor Pembuatan,
1970-2017 Malaysia



PEKERJA SEKTOR PEMBUATAN, 2017

- Bilangan pekerja bergaji sepenuh masa dalam sektor Pembuatan adalah seramai 2,158,119 orang dengan jumlah gaji & upah dibayar sebanyak RM74.7 billion.
- Bilangan pekerja tertinggi adalah daripada kategori Operator mesin & loji dan pemasangan seramai 1,349,869 orang dan menerima bayaran gaji & upah dibayar tertinggi bernilai RM31.5 billion
- Subsektor industri kenderaan bermotor, pembinaan kapal dan bot menyumbang 4.2% daripada jumlah keseluruhan pekerja di sektor Pembuatan.



Pekerja Mahir

398,786 (18.5%)
Purata gaji : RM6,854



Separa Mahir

1,604,968 (74.4%)
Purata gaji: RM2,024



Kurang mahir

154,365 (7.2%)
Purata gaji: RM1,556



- Industri kenderaan bermotor, pembinaan kapal dan bot adalah **berintensifkan modal** yang memerlukan lebih banyak jentera, peralatan dan sistem pengeluaran teknologi yang canggih dalam proses pengeluaran. Nilai asset pada 2017 adalah RM15.5 juta.

OUTPUT KASAR

Berkembang 4.3% iaitu RM67,781 juta berbanding RM62,282.9 juta pada tahun 2015

NILAI DITAMBAH

Bertumbuh 9.4% kepada RM16,304.1 berbanding RM13,635.7 juta tahun sebelumnya

PEKERJA

Menyusut 1.2% kepada 93,766 orang

GAJI & UPAH


Meningkat perlahan pada kadar 0.9% kepada RM3,600.8 juta berbanding RM3,553.5 juta pada tahun 2015



**Prestasi Industri
Pembuatan Kenderaan
Bermotor, Pmbinaan
Kapal dan Bot, 2017**



Siri Masa Nilai Jualan dan Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Kumpulan Kenderaan Bermotor dan Peralatan Pengangkutan Lain, 2019-2020




IPP kumpulan **kenderaan bermotor, treler & semi-treler** meningkat kepada **5.2 peratus** pada bulan Februari 2020 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Begitu juga IPP bagi kumpulan **Peralatan Pengangkutan lain** turut meningkat **3.9 peratus** pada tempoh yang sama.



Peratus Sumbangan

Negara Import dan Eksport Utama Industri Kenderaan Bermotor, Pembinaan Kapal & Bot, Feb 2020



Sumber: SITC 781, 782, 783, 784, 786, 793
METS online

3





KENDERAAN BERMOTOR

Pengeluaran Malaysia

93.4%




Kenderaan Penumpang



6.6%

Kenderaan Komersial

Pengeluar Utama Kenderaan Bermotor ASEAN, 2019



Sumber: Malaysia Automotive Association (MAA)

COVID-19 & Industri Kenderaan Bermotor

- Sektor automatif diunjurkan **merosot** kesan daripada COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana bukan di bawah kategori *essential services* bagi PKP 1 dan 2.
- Hubei, yang menjadi antara pusat penularan coronavirus adalah antara hub utama automotif China. Berdasarkan situasi itu, ia berisiko menjejaskan bekalan komponen sekali gus menjadikan rantai nilai automotif menerima kesan.
- Pemain Industri Utama** seperti Tan Chong Motor, Honda, PROTON, Perodua turut mengumumkan **pemberhentian operasi sementara** dalam tempoh PKP 1 & 2 melibatkan bilik pameran, pengeluaran dan penghantaran kenderaan
- PROTON yang merupakan 49.9 peratus milik Zhejiang Geely Holding Group telah menjual sejumlah 3,277 unit pada bulan Mac iaitu menyusut 67% berbanding bulan Februari 2020.



- Walaupun PROTON memiliki model CBU iaitu Proton X70 dari kilang Geely di China dan mula dipasang di Malaysia (CKD), namun kebanyakan bahagian dan komponen masih dibawa masuk dari China
- PROTON menjangkakan impak penularan COVID-19** ke atas rantai komponen pengeluaran model Proton X70 adalah **minimum** memandangkan bahan bekalan masih mencukupi dan pemantauan rapi sentiasa dibuat.
- Walau bagaimanapun, Sektor tambahan yang dibenarkan beroperasi semasa lanjutan PKP Fasa 3 adalah industri automotif (terhad kepada eksport unit siap pasang sepenuhnya atau CBU, peralatan dan komponen, serta perkhidmatan selepas jualan seperti penyelenggaraan).

PENAFIAN: Artikel dalam *newsletter* ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara *ad-hoc* di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan *newsletter* ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

